



KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

MEMPERKASA TEKUN NASIONAL DEMI MEMBELA USAHAWAN AKAR UMBI DI NEGERI SARAWAK

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) komited membantu golongan usahawan terutamanya di Sarawak melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional.

Sejak tahun 1998 hingga Februari 2020, dana sebanyak RM3.15bilion telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada TEKUN Nasional untuk usahawan membuat pembiayaan perniagaan.

Sehingga 29 Februari 2020, sebanyak 33,402 usahawan di negeri ini yang telah mendapatkan pinjaman daripada TEKUN Nasional dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM322.2 juta.

Daripada jumlah 33,402 usahawan itu 10,731 adalah peminjam lelaki dan 22,671 peminjam wanita.

Bagi memudahkan usahawan berurusan, TEKUN Nasional telah pun membuka sebuah ibu pejabat di Sarawak dengan 16 pejabat cawangan meliputi 31 kawasan Parlimen dengan 84 tenaga kerja.

Peminjam TEKUN Nasional di Sarawak yang berdaftar adalah seperti berikut:

- 5% berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM),
- 35% peminjam berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Pejabat Daerah,
- Baki 60% lagi melalui pengesahan dari Penghulu, Ketua Kampung, Tuai Rumah, Bayaran Tapak Harian (PBT) dan Pasar Tamu.

Mengikut senarai yang diterima daripada Ketua Sekretariat Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM), terdapat 121,638 penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 28,736 (23.6%) usahawan merupakan peminjam TEKUN Nasional. Sementara di negeri Sarawak, daripada 4,796 peniaga dan penjaja kecil, sebanyak 1,063 atau 22.2% merupakan peminjam TEKUN Nasional.

Atas saranan dan keprihatinan sebagai menteri yg dipertanggungjawabkan membantu usahawan, khususnya usahawan di Sarawak, maka saya telah minta TEKUN Nasional untuk mewujudkan enam lagi pejabat cawangan di cawangan terpilih khususnya di pedalaman negeri Sarawak.

Ia bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat usahawan di kawasan terbabit. Cawangan tersebut ialah:

- Lundu
- Serian
- Sibuti
- Sebuyau
- Daro
- Kanowit

Oleh yang demikian, jumlah terkini pejabat TEKUN Nasional di Sarawak setakat ini berjumlah 22, termasuk pembukaan enam cawangan baru ini.

Dengan adanya bantuan TEKUN Nasional, usaha dari kerajaan ini boleh meringankan para pengusaha- pengusaha terutamanya usahawan micro, industri kecil dan sederhana dalam memajukan perniagaan mereka.

Justeru kerajaan berharap usahawan yang memperoleh pinjaman daripada TEKUN ini berdaya usaha, jujur dan progresif selaras dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera.

Bagaimanapun pembayaran semula secara konsiten juga perlu dilakukan bagi memastikan TEKUN Nasional mempunyai modal untuk membantu usahawan- usahawan baharu yang memerlukan pinjaman kewangan.

YB DATO SRI DR. HJ. WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
9 APRIL 2020